KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13.05.22	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	JPSM			

SH 130522

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

43 tual balak bernilai lebih RM26,000 dirampas

LIPIS - Pejabat Hutan Daerah Lipis berjaya merampas 43 tual balak pelbagai spesies dan saiz bernilai lebih RM26,000 yang dipercayai cuba dipindah keluar secara haram dari hutan tanah kerajaan di Kampung Kemuning, Berchang Baru Mukim Telang, di sini pada Rabu.

Pegawai Hutan Daerah Lipis, Mohd Aizat Arippin berkata, kegiatan itu berjaya dipatahkan hasil serbuan pihaknya ke lokasi selepas mendapat maklumat daripada penduduk setempat berhubung aktiviti pembalakan tanpa lesen di kawasan terbabit.

Menurutnya, dalam serbuan itu beberapa longgok tual balak ditemui yang dipercayai sedia untuk dipindahkan individu tidak bertanggungjawab.

"Tiada sebarang tangkapan atau rampasan jentera dilakukan. Kami percayai pihak yang terlibat dalam kegiatan haram itu telah melarikan diri selepas menghidu kehadiran anggota penguat kuasa," katanya kepada pemberita pada Khamis.

Mohd Aizat berkata, hasil pemeriksaan ke atas tual balak berkenaan mendapati ia daripada pelbagai spesies antaranya sesenduk, kempas, keladan, kedondong, kelat, tinjau belukar dan putat.

"Kayu-kayu balak itu telah disita untuk siasatan dan tindakan lanjut," ujar beliau.

Menurutnya, hasil siasatan awal kumpulan itu terdiri antara tiga hingga lima individu yang mempunyai peranan tersendiri termasuk penebang dan pemandu jentera.

"Lori akan masuk ke kawasan ini untuk memindahkan balak bila keadaan selamat dan biasanya dilakukan pada waktu malam," jelasnya.

Tambahnya, balak tersebut dipercayai untuk dihantar ke [illegible] lang papan tertentu di daerah itu yang menerima balak tanpa lese[illegible]



Sebahagian tual balak yang dirampas dipercayai cuba dipindah keluar secara haram dari hutan tanah kerajaan di Kampung Kemuning, Berchang Baru Mukim Telang, di Lipis pada Rabu.